

SIARAN MEDIA

A CELEBRATION OF CLASSICAL MUSIC **LAMBANG SARI SERIES 2023**

KUALA LUMPUR, 20 Jun 2023 – Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) bakal mempersembahkan *A Celebration of Classical Music* bagi Lambang Sari Series (LSS) 2023, Istana Budaya dengan konsert orkestra bertemakan ***western classical music***. Persembahan orkestra muzik klasikal barat ini merangkumi **empat (4) siri persembahan** dengan memainkan lagu-lagu ciptaan barat yang terkenal.

Puan Zubaidah Mukhtar selaku Ketua Pengarah Istana Budaya menyatakan bahawa “*A Celebration of Classical Music* ini bakal memberi penonton persembahan orkestra, muzik dari era ‘*Barouque*’, ‘*Classical*’ hinggalah ke era ‘*Romantique*’.”

Encik Nasran bin Nawi, Prinsipal Kanan OSK yang merupakan Konduktor OSK berhasrat untuk membawa satu kelainan berbanding LSS sebelum ini dengan menampilkan **tiga (3) soloist pada siri yang berbeza** dan ***string orchestra* OSK**. “Menariknya LSS 2023 mampu memberikan kesegaran halwa telinga khusus buat peminat muzik klasikal barat di Malaysia.” ujarinya.

LSS 2023 siri pertama bakal mempersembahkan lagu-lagu dari ciptaan ***Bach***, ***Mozart*** dan ***Mendelssohn*** dan turut dimeriahkan lagi dengan penampilan istimewa Foo Chie Haur, sebagai *soloist flute*.

Bryan Lee Kit Meng turut dijemput sebagai *soloist Harp* dengan mempersembahkan lagu ***Dittersdorf Harp Concerto*** untuk **LLS 2023 siri kedua**. Disamping itu OSK turut memainkan lagu ciptaan ***Mendelssohn*** dan ***Carl Reinecke***.

Keunikan persembahan **LSS 2023 siri ketiga** dimeriahkan pula dengan OSK mengetengahkan *string orchestra* dalam membawa lagu-lagu ciptaan ***Josef Suk*** dan ***Tchaikovsky***. Seramai 25 orang pemuzik OSK dan 10 orang pemuzik jemputan akan turut terlibat dalam menyemarakkan lagi LSS 2023 di pentas Panggung Sari, Istana Budaya.

Manakala keistimewaan bagi **LSS 2023 siri keempat** pula bakal menampilkan **full orchestra** mengiringi seorang *soloist* piano iaitu Celestin Yoong Qian Yi yang juga merupakan alumni program PERMATA Seni Muzik. Gabungan persembahan OSK dan *soloist* piano untuk siri ini pastinya memberikan kenangan yang terindah kepada pengunjung dengan memainkan lagu-lagu dari ciptaan **Felix Mendelssohn** dan **Mozart**.

Tarikh bagi empat (4) siri persembahan dalam **A Celebration of Classical Music**, Lambang Sari Series 2023 adalah pada **8 Julai 2023 untuk LSS siri pertama, 9 September 2023 untuk LSS siri kedua, 21 Oktober 2023 untuk LSS siri ketiga dan 18 November 2023 untuk LSS siri keempat**. Waktu persembahan bermula pukul 8:30 malam di Panggung Sari, Istana Budaya.

Peluang keemasan buat umum, tiket persembahan dijual dengan harga *flat rate* iaitu **serendah RM30**. Namun harga tiket promosi juga boleh didapati dengan harga berpatutan **serendah RM100 dengan pakej keempat-empat siri persembahan LSS 2023**. Tempahan tiket hanya boleh didapati di laman sesawang Istana Budaya <https://www.istanabudaya.gov.my> .

Maklumat terperinci mengenai lagu-lagu buat keempat-empat siri persembahan LSS 2023 ini adalah seperti di **LAMPIRAN**. Untuk maklumat lebih lanjut, awam boleh melayari portal dan di setiap platform media sosial Istana Budaya atau menghubungi Unit Promosi, Istana Budaya di talian 03-4026 5555.

Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: [@istanabudaya](https://www.facebook.com/istanabudaya) & TikTok: [@istanabudayaofficial](https://www.tiktok.com/@istanabudayaofficial)

**SENARAI LAGU DAN TARIKH PERSEMBAHAN A CELEBRATION OF CLASSICAL MUSIC
LAMBANG SARI SERIES 2023, ISTANA BUDAYA**

LSS Siri 1 8 Julai 2023	LSS Siri 2 9 September 2023	LSS Siri 3 21 Oktober 2023	LSS Siri 4 18 November 2023
Soloist: Foo Chie Haur (Flute)	Soloist: Bryan Lee Kit Meng (Harp)	Soloist: -	Soloist: Celestin Yoong Qian Yi (Piano)
Lagu ○ Johann Sebastian Bach : Brandenburg Concerto No. 3 in G major i. <i>Allegro</i> ii. <i>Adagio</i> iii. <i>Allegro</i> ○ Johan Sebastian Bach : Orchestral suite No. 2 in B minor i. <i>Ouverture</i> ii. <i>Rondeau</i> iii. <i>Sarabande</i> iv. <i>Bourree</i> v. <i>Polonaise</i> vi. <i>Menuet</i> vii. <i>Badinerie</i> ○ Wolfgang Amadeus Mozart : Divertimento D i. <i>Allegro</i> ii. <i>Andante</i> iii. <i>Presto</i> ○ Felix Mendelssohn : String Symphony No. 10 i. <i>Adagio</i> ii. <i>Allegro</i> iii. <i>Piu presto</i>	Lagu 1) Felix Mendelssohn : String Symphony No. 12 in G minor i. <i>Fuga. Grave Allegro</i> ii. <i>Andante</i> iii. <i>Allegro Molto</i> 2) Carl Ditters von Dittersdorf : Harp Concerto in A major i. <i>Allegro molto</i> ii. <i>Larghetto</i> iii. <i>Rondeau</i> 3) Carl Reinecke : Serenade for strings in G minor, Op. 242 i. <i>Marcia</i> ii. <i>Arioso</i> iii. <i>Scherzo</i> iv. <i>Cavatine</i> v. <i>Fughetta giojosa</i> vi. <i>Finale</i>	Lagu 1) Josef Suk : Serenade for strings in E flat major, Op. 6 i. <i>Andante con moto</i> ii. <i>Allegro ma non troppo e grazioso</i> iii. <i>Adagio</i> iv. <i>Allegro giocoso, ma non troppo presto</i> 2) Pyotr Ilyich Tchaikovsky : Serenade for string in C major, Op. 48 i. <i>Pezzo in forma di sonatina. Andante non troppo-Allegro moderato</i> ii. <i>Valse. Moderato- Tempo di valse</i> iii. <i>Elegie. Larghetto elegiaco</i> iv. <i>Finale (Tema russo). Andante- Allegro con spirito</i>	Lagu 1) Felix Mendelssohn : Overture The Hebrides (Fingal's Cave) 2) Wolfgang Amadeus Mozart : Piano Concerto No. 23 in A major, K488 i. <i>Allegro</i> ii. <i>Adagio</i> iii. <i>Allegro assai</i> 3) Felix Mendelssohn : Symphony No. 4 in A major, Op. 90 i. <i>Allegro vivace</i> ii. <i>Andante con moto</i> iii. <i>Con moto moderato</i> iv. <i>Saltarello: Presto</i>